A

MONOGARAN ASIAN

lwn.

PP

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
YAACOB MD SAM PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 41-134-08]
27 MAC 2009

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Rayuan - Kekompetenan rayuan - Rayuan terhadap keputusan "joint trial" dua pertuduhan - Sama ada keputusan boleh dirayukan - Sama ada keputusan berasaskan pertuduhan-pertuduhan yang tidak wujud kerana dipinda - Sama ada mahkamah diwajarkan menggunakan kuasa-kuasa semakan - Kanun Tatacara*
D *Jenayah, Bab XXXI, s. 325 - Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 12, 15*

Tertuduh perayu merayu keputusan Tuan Majistret yang memerintahkan dua pertuduhan kes dadah berbahaya terhadapnya masing-masing di bawah s. 12 dan s. 15 Akta Dadah Berbahaya
E 1952 ('Akta 1952') dibicarakan bersama ("joint trial"). Tuan Majistret berasaskan keputusan atas kedua-dua pertuduhan yang asal walaupun mereka telah dipinda. Pertuduhan pertama yang asal yang melibatkan pemilikan dadah jenis heroin dipinda kepada
F kawalan dadah jenis monoacetylmorphines. Pertuduhan kedua yang asal pula yang melibatkan memasukkan dadah berbahaya jenis morphine ke dalam badan perayu dipinda jenis dadahnya kepada jenis kanabis. Dua isu di bangkitkan: (1) sama ada rayuan berkompeten di sisi undang-undang kerana keputusan terhadap
G perintah "joint trial" tidak boleh dirayukan; (2) sama ada keputusan Tuan Majistret membenarkan "joint trial" berasaskan kepada pertuduhan-pertuduhan yang tidak lagi wujud kerana telah dipinda, dan ini mewajarkan mahkamah menggunakan kuasa-kuasa semakan yang terdapat di bawah s. 325 Bab XXXI Kanun
H Tatacara Jenayah ('Kanun') untuk menukarkan rayuan ini kepada permohonan semakan.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

I **(1)** Mahkamah bersetuju menimbangkan permohonan peguam menukarkan rayuan kes ini kepada permohonan semakan memandangkan kes ini telah dibuat dalam tempoh masa yang dibenarkan oleh undang-undang dan kekhilafan tatacara

tersebut berlaku secara "good faith" disebabkan tiada kes-kes pendahuluan serupa yang boleh dijadikan panduan dengan jelas. (perenggan 13)

(2) Keputusan membenarkan "joint trial" merupakan suatu keputusan budicara mahkamah yang tidak muktamad. Keputusan tersebut "does not have the effect of finality determining the rights of the parties" seperti yang dimaksudkan di dalam definasi "decision" di bawah s. 3 Akta Kehakiman 1964 melalui Akta Pindaannya A1031 tahun 1998. Alasan mahkamah ialah kerana: (1) hak pihak-pihak tidak diadili dan tidak diputuskan secara muktamad; (2) perayu masih boleh menghujahkan kes "joint trial" di peringkat rayuan kes; (3) seksyen 51 Kanun tidak boleh di samakan dengan perintah yang dibuat di bawah s. 165(1) Kanun yang tidak bersifat muktamad terhadap hak pihak-pihak; (4) perbicaraan bersama tidak memberi apa-apa kelebihan ke atas pihak pendakwaan kerana beban pembuktian pihak pendakwaan masih kekal sama seolah-olah kedua-dua pertuduhan dibicarakan berasingan; (5) keputusan membenarkan "joint trial" sebagai satu keputusan muktamad hanya menyempitkan tafsiran ke atas budibicara mahkamah dalam membuat keputusan membenarkan atau tidak sesuatu "joint trial" – yang hanya akan melewatkan perbicaraan kes atau menyebabkan setiap keputusan mahkamah boleh dirayukan apabila mahkamah menolak atau membenarkan permohonan mana-mana pihak bagi "joint trial" – dan keadaan tersebut boleh membawa kepada penyalahgunaan proses mahkamah dan menjejaskan kelicinan pentadbiran keadilan. Apa yang penting ialah sama ada "joint trial" tersebut mematuhi kehendak undang-undang di bawah ss. 163, 164, 165, 166 dan 170 Kanun. (perenggan 14)

(3) Kedua-dua pertuduhan yang dirujuk oleh Tuan Majistret bagi pertimbangan itu adalah atas pertuduhan-pertuduhan yang tidak lagi wujud kerana telah dipinda. Maka, alasan penghakiman beliau juga tidak boleh lagi berdiri untuk dipertahankan. Isu "correctness, legality or propriety" keputusan Tuan Majistret tersebut perlu ditentukan melalui kuasa-kuasa semakan yang ada pada mahkamah di bawah s. 323 Bab XXXI Kanun. (perenggan 15 & 16)

(4) Walaupun pindaan kedua-dua pertuduhan menyebutkan tarikh, masa dan tempat kejadian yang sama, mahkamah tidak dapat melihat "nexus" antara kesalahan pertuduhan pindaan pertama iaitu kawalan (milikan) ke atas monoacetylmorphines dengan kesalahan pertuduhan pindaan kedua iaitu memasukkan kanabis ke dalam badannya. Begitu juga bahawa jenis dadah berlainan di antara pindaan kedua-dua pertuduhan tidak melihatkan unsur "continuity of action" dan "community of purpose or design" iaitu ujian ketiga dan keempat yang digariskan dalam kes *Amrita Lal Hazra & Ors v. Emperor*. Kaedah keterangan sama ada keterangan langsung atau pemakaian peruntukan anggapan di dalam pertuduhan tidaklah menjadi isu utama kerana beban pihak pendakwaan membuktikan setiap pertuduhan yang dibenarkan "joint trial" tetap sama seperti perbicaraan berasingan. (perenggan 22)

(5) Disebabkan jenis dadah terlibat berlainan, jenis kesalahan juga berlainan dan ketiadaan unsur "nexus" atau hubungan rapat ("inter-related") jenis dadah terlibat dengan perlakuan kesalahan antara pindaan kedua-dua pertuduhan serta ketiadaan kepatuhan ujian ketiga dan keempat yang digariskan di dalam kes *Amrita Lal Hazra* tersebut, maka mahkamah ini mendapati bahawa "joint trial" kedua-dua pertuduhan itu tidak diwajarkan diperintahkan. (perenggan 23)

(6) Mahkamah dengan menggunakan kuasa-kuasa semakan yang diberikan di bawah s. 323(1) Kanun dibaca bersama s. 325 Bab XXXI Kanun memerintahkan supaya kedua-dua pertuduhan dibicarakan secara berasingan. Ianya mengikut bahawa keputusan Tuan Majistret diketepikan. (perenggan 24)

Kes-kes yang dirujuk:

Amrita Lal Hazra & Ors v. Emperor [1915] 42 Cal 957 ***(dirujuk)***

Dato Seri Anwar Ibrahim v. PP [1999] 1 CLJ 537 CA ***(dirujuk)***

Datuk Tiah Thee Kian v. PP & Other Appeals [2002] 2 CLJ 21 HC ***(dirujuk)***

Maleb Su v. Public Prosecutor & Another Case [1984] 1 CLJ 378; [1984] 2 CLJ (Rep) 232 HC ***(dirujuk)***

Mohamed Anuardin Abdul Salam & Anor v. PP [1997] 3 CLJ 243 HC ***(dirujuk)***

PP v. Hoo Chang Chwen [1962] 1 LNS 123 ***(dirujuk)***

PP v. Raymond Chia Kim Chwee & Anor & Another Case [1985] 2 MLJ 436 ***(dirujuk)***

PP v. Ridzuan Kok Abdullah [1996] 2 CLJ 346 HC ***(dirujuk)***

Saad Abas & Anor v. PP [1998] 4 CLJ 575 CA ***(dirujuk)***
Shaafie v. PP [2009] 3 CLJ 364 ***(dirujuk)***
Tennakoon D Harold v. Public Prosecutor [1997] 1 CLJ Supp 392 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, s. 3
Criminal Procedure Code, ss. 51, 51A, 163, 164, 165(1), 166, 170, 307(1), 323(1), 325, 422
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 12(2), (3), 39A(1)

Bagi pihak perayu/tertuduh - En Anthonysamy; T/n Aziz, Anthony & Co
Bagi pihak pihak responden/PP - Jastina Zainal Abidin TPR

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Yaacob Md Sam PK:

[1] Rayuan oleh perayu adalah terhadap keputusan oleh Tuan Majistret yang memerintahkan dua pertuduhan kes terhadap perayu dibicarakan bersama di bawah satu perbicaraan (joint trial).

Latar Belakang Kes

[2] Perayu/tertuduh pada awalnya (1 September 2006) menghadapi pertuduhan seperti berikut:

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 28.7.2006 jam lebih kurang 1.20 malam di rumah No. 1298, Pokok Machang, Tasek Gelugor, di dalam Daerah Seberang Perai Utara, di dalam Negeri Pulau Pinang, didapati ada dalam milikan kamu dadah jenis Heroin berat kasar 4.2 gram. Oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39A(1) Akta yang sama.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 28.7.2006 jam lebih kurang 1.20 malam di sebuah stor barang-barang jentera tidak bernombor di kawasan Pokok Machang, Tasek Gelugor, di dalam Daerah Seberang Perai Utara, di dalam Negeri Pulau Pinang, telah memasukkan dadah berbahaya iaitu Morphine ke dalam badan kamu sendiri. Oleh itu

kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 15 Akta yang sama.

[3] Pada 5 Oktober 2006 pihak pendakwaan meminda pertuduhan ke atas perayu/tertuduh seperti berikut:

Pindaan Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 28.7.2006 jam lebih kurang 1.20 malam di rumah No. 1298, Pokok Machang, Tasek Gelugor, di dalam Daerah Seberang Perai Utara, di dalam Negeri Pulau Pinang, didapati ada dalam kawalan kamu dadah jenis Monoacetylmorphines berat bersih 0.19 gram. Oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 12(3) Akta yang sama.

Pindaan Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 28.7.2006 jam lebih kurang 1.20 malam di rumah No. 1298, Pokok Machang, Tasek Gelugor, di dalam Daerah Seberang Perai Utara, di dalam Negeri Pulau Pinang, telah memasukkan dadah berbahaya ke dalam badan kamu jenis Cannabis. Dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 15 Akta yang sama.

(Salinan pindaan pertuduhan pertama dan kedua tersebut dapat dilihat di ms 9 dan ms 26 rekod rayuan.)

[4] Kes perbicaraan terhadap perayu selepas itu telah tertangguh sebanyak 13 kali di atas pelbagai sebab. Pada 14 Ogos 2008 pihak pendakwaan telah mengemukakan permohonan dan penghujahan bagi kedua-dua pindaan pertuduhan pertama dan pindaan pertuduhan kedua tersebut dibicarakan secara bersama (joint trial). Peguam yang bijaksana yang mewakili tertuduh telah membantah permohonan perbicaraan bersama tersebut. Pada 26 September 2008 Tuan Majistret memutuskan membenarkan permohonan pihak pendakwaan dan memerintahkan perbicaraan bersama bagi kedua-dua pertuduhan.

[5] Perayu yang tidak berpuas hati di atas keputusan Tuan Majistret yang memerintahkan perbicaraan bersama telah menfailkan notis rayuan bertarikh 3 Oktober 2008 ke Mahkamah Tinggi bagi merayu terhadap keputusan tersebut.

[6] Pada 30 Oktober 2008 Tuan Majistret menyediakan alasan penghakiman memberikan alasan-alasan mengapa perbicaraan bersama diperintahkan. Walau bagaimana pun mahkamah ini dapati alasan penghakiman oleh Tuan Majistret itu masih merujuk kepada pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua yang asal (ms 20 dan 21 rekod rayuan). A B

[7] Berpandukan kepada alasan penghakiman bertarikh 30 Oktober 2008 tersebut, peguam yang bijaksana telah menfailkan petisyen rayuan bertarikh 13 November 2008. Petisyen rayuan tersebut juga merujuk kepada pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua yang asal sebagaimana yang dibutirkan dalam alasan penghakiman (ms 4 rekod rayuan). C

[8] Oleh yang demikian, di hadapan mahkamah ini rayuan oleh perayu/tertuduh dan alasan penghakiman oleh Tuan Majistret adalah merujuk kepada pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua yang asal. Apa yang nyata pihak-pihak iaitu pendakwaan, peguambela dan Tuan Majistret mungkin terlepas pandang bahawa pada 5 Oktober 2006 kedua-dua pertuduhan tersebut telah dipinda oleh pihak pendakwaan dan dibacakan kepada tertuduh dan tertuduh tidak mengaku bersalah ke atasnya dan tarikh perbicaraan ditetapkan oleh mahkamah. Di peringkat awal pertuduhan dan pindaan pertuduhan, kes dibicarakan di hadapan Majistret Puan Rafiqha Hanim binti Mohd Rashid. Mulai 12 March 2007 kes perbicaraan tersebut diambil alih oleh Tuan Majistret yang baru yang menggantikan Puan Majistret terdahulu. Adalah agak malang semasa permohonan perbicaraan bersama dipohon dan pihak-pihak berhujah di atasnya pada 14 Ogos 2008 telah tidak membawa perhatian kepada Tuan Majistret bahawa kedua-kedua pertuduhan asal telah dipinda dan hujahan pihak-pihak sepatutnya berasaskan kepada pindaan pertuduhan pertama dan pindaan pertuduhan kedua. Kegagalan merujuk kepada pertuduhan pindaan tersebut telah menyebabkan Tuan Majistret masih menyandarkan kepada pertuduhan pertama dan pertuduhan asal sebagai pertuduhan-pertuduhan yang dipohon dibicarakan secara bersama oleh pihak pendakwaan dan menyediakan alasan penghakiman di atasnya. D E F G H

[9] Perlu diingati semula bahawa pertuduhan pertama yang asal melibatkan pemilikan dadah jenis heroin. Pindaan pertuduhan pertama ialah dadah jenis monoacetylmorphines. Pertuduhan kedua asal tertuduh dikatakan memasukkan dadah berbahaya ke dalam badannya iaitu morphine. Pindaan pertuduhan kedua pula I

A mengatakan tertuduh memasukkan dadah berbahaya ke dalam badannya iaitu cannabis. Pertuduhan kedua asal mengatakan kejadian berlaku di sebuah setor barang-barang jentera tidak bernombor di kawasan Pokok Sena. Pindaan pertuduhan kedua pula mengatakan kejadian berlaku di rumah No. 1298 Pokok
B Machang iaitu tempat kejadian yang sama seperti di pertuduhan pertama. Oleh itu jenis dadah bagi pertuduhan pertama asal telah berubah. Jenis dadah bagi pertuduhan kedua asal pula berlainan jenis sama sekali dari morphine kepada cannabis. Tempat kejadian bagi tuduhan kedua asal juga telah berubah.

C

[10] Berbalik kepada rayuan ini. Memandangkan perkara di hadapan mahkamah ini timbul daripada rayuan oleh perayu/ tertuduh, maka mahkamah ini telah meminta pihak-pihak menghujahkan adakah keputusan Tuan Majistret yang
D memerintahkan perbicaraan bersama boleh dirayukan (appealable). Peguam yang bijaksana menghujahkan bahawa keputusan tersebut boleh dirayukan di bawah s. 307(1) Kanun Tatacara Jenayah kerana keputusan tersebut mempunyai kesan muktamad (finality). Walau bagaimana pun, tiada apa-apa kes yang dalam isu yang
E serupa untuk dapat dijadikan rujukan. Oleh itu peguam yang bijaksana merujuk kepada kes *Public Prosecutor v. Raymond Chia Kim Chwee & Anor & Another Case* [1985] 2 CLJ 457; [1985] CLJ (Rep) 260 dan *Datuk Tiah Thee Kian v. Public Prosecutor & Other Appeals* [2002] 2 CLJ 21 yang berkaitan dengan permohonan
F saman bagi mengemukakan dokumen di bawah s. 51 Kanun Tatacara Jenayah sebagai analogi yang menunjukkan keputusan yang bersifat muktamad yang boleh dirayukan.

[11] Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana pula merujukkan
G mahkamah kepada kes *Maleb Su v. Public Prosecutor & Another Case* [1984] 1 CLJ 378; [1984] 2 CLJ (Rep) 232, *Mohamed Anuardin Abd Salam & Anor v. PP* [1997] 3 CLJ 243 dan *Tennakoon D Harold v. PP* [1997] 1 CLJ Supp 392 bagi hujahan bahawa keputusan oleh Tuan Majistret tersebut adalah suatu 'procedural
H ruling' sahaja yng tidak mempunyai kesan muktamad ke atas hak pihak-pihak dan oleh itu tidak boleh dirayukan di bawah s. 307 Kanun. Kes *Malek Su* melibatkan isu permohonan mengecualikan diri majistret dari mendengar kes; kes *Mohamed Anuardin* melibatkan permohonan supaya kes didengar secara *de novo*, dan kes *Tennakoon*
I melibatkan isu penerimaan masuk dokumen semasa perbicaraan.

[12] Memandangkan pihak-pihak tidak ada menyentuh langsung peruntukan s. 3 Courts of Judicature Act 1964 berkaitan maksud "decision" yang dipinda oleh Akta Pindaan A1031/1998 maka mahkamah ini telah meminta pihak-pihak supaya menghujah lanjut di atas isu ini berdasarkan kepada keputusan kes *Saad Abas & Anor v. PP* [1998] 4 CLJ 575 dan *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [1999] 1 CLJ 537. Akta Pindaan A1031 tahun 1998 telah meminda definasi "decision" dalam s. 3 "means judgment, sentence or order, but does not include any ruling made in the course of a trial or hearing of any cause or matter which does not finally dispose of the rights or the parties."

[13] Apabila rayuan ini ditetapkan untuk hujahan lanjut bagi isu yang diminta dihujahkan oleh mahkamah ini, peguam yang bijaksana telah memaklumkan kepada mahkamah bahawa beliau bersetuju dengan pendekatan yang diputuskan oleh kes *Saad Abas* dan kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim* tersebut *(supra)* dan bersetuju keputusan Tuan Majistret ke atas perintah 'joint trial' tersebut adalah satu keputusan yang tidak membawa kepada kesan muktamad melupuskan hak pihak-pihak dan oleh itu peguam bersetuju ianya tidak boleh dirayukan (not appealable). Peguam yang bijaksana oleh itu memohon supaya mahkamah ini menggunakan kuasa-kuasa semakan yang terdapat di bawah s. 325 Bab XXXI Kanun Tatacara Jenayah 'to convert' rayuan ini kepada permohonan semakan (revision). Mahkamah bersetuju menimbangkan permohonan peguam tersebut memandangkan rayuan kes ini telah dibuat dalam tempoh masa yang dibenarkan oleh undang-undang dan kekhilafan tatacara tersebut adalah berlaku secara 'good faith' disebabkan tiada kes-kes pendahuluan yang serupa yang boleh dijadikan panduan dengan jelas.

[14] Mahkamah ini berpendapat bahawa keputusan membenarkan 'joint trial' adalah merupakan suatu keputusan budibicara mahkamah yang tidak bersifat muktamad dalam mana hak pihak-pihak menjadi terhapus dan telah muktamad diadili. Dengan kata lain keputusan tersebut "does not have the effect of finality determining the rights of the parties" seperti yang dimaksudkan di bawah definasi "decision" di bawah s. 3 Courts of Judicature Act 1964 melalui Akta Pindaan A 1031 tahun 1998. Alasan mahkamah ini berpendapat sedemikian ialah:

1. Keputusan membenarkan 'joint trial' tersebut bukanlah merupakan suatu keputusan yang membawa kesan bahawa hak pihak-pihak telah diadili dan diputuskan secara muktamad.

2. Pihak perayu masih boleh menghujahkan di peringkat rayuan kes bahawa 'joint trial' tersebut merupakan satu 'illegality' atau 'misjoinder' yang menjadikan perbicaraan tersebut sebagai tidak sah dan tidak mampu dipulihkan oleh s. 422 Kanun (*Shaafie Saibi v. PP* [2009] 3 CLJ 364).

   Meminjam kata-kata Rose J dalam kes *PP v. Hoo Chang Chwen* [1962] 1 LNS 123:

   > I would add that to arrive at any other conclusion would seem to me to open the door to a number of appeals in the course of criminal trials on points which are in their essence procedural. The proper time, of course, to take such points would be upon appeal, after determination of the principle matter of the trial.

3. Kes-kes seperti *Raymond Chia Kim Chwee* dan *Dato' Tiah Thee Kian (supra)* adalah kes-kes di bawah s. 51 Kanun Tatacara Jenayah yang masih menjadi prinsip undang-undang yang matan tetapi sekarang lebih bersifat akademik dengan adanya pindaan kepada s. 51A Kanun tersebut. Kedua-dua kes tersebut mempunyai sifat cirinya yang tersendiri dalam mana keengganan mahkamah mengeluarkan saman bagi pengemukaan dokumen yang diperlukan oleh pihak pembelaan telah menafikan hak tertuduh bagi membuat persediaan ke atas pembelaannya dan peluang tersebut kekal hilang jika saman tidak dikeluarkan. Oleh yang demikian effect s. 51 Kanun tidak boleh disamakan dengan kesan perintah yang dibuat di bawah s. 165(1) Kanun yang tidak bersifat muktamad terhadap hak pihak-pihak.

4. Perbicaraan bersama juga tidak memberi apa-apa kelebihan ke atas pihak pendakwaan kerana beban pembuktian pihak pendakwaan terhadap pertuduhan-pertuduhan yang didengar secara bersama itu masih kekal sama seolah-olah kes dibicarakan secara berasingan.

5. Mengatakan keputusan membenarkan 'joint trial' sebagai satu keputusan atau perintah yang muktamad terhadap hak pihak-pihak terlibat hanya menyempitkan tafsiran ke atas budibicara mahkamah dalam membuat keputusan membenarkan atau tidak

sesuatu 'joint trial' diadakan yang boleh dipohon oleh mana-mana pihak terlibat di dalam prosiding dan akibatnya hanya akan melewatkan perbicaraan kes atau menyebabkan prosiding perbicaraan kes tergendala. Ia juga akan menyebabkan setiap keputusan mahkamah boleh dirayukan apabila mahkamah menolak atau membenarkan permohonan mana-mana pihak bagi joint trial dan keadaan tersebut boleh membawa kepada penyalahgunaan proses mahkamah dan menjejaskan kelicinan pentadbiran keadilan. Apa yang penting dilihat ialah adakah 'joint trial' tersebut mematuhi kehendak undang-undang seperti yang diperuntukkan di bawah peruntukan s. 163, s. 164, s. 165, s. 166 dan s. 170 Kanun Tatacara Jenayah.

Oleh yang demikian sekiranya 'rayuan' ini diteruskan oleh perayu/tertuduh, maka mahkamah ini berpendapat rayuan tersebut adalah tidak kompeten di bawah undang-undang dan dengan itu rayuan tersebut akan ditolak.

[15] Tuan Majistret telah memberikan alasan penghakiman beliau di ms 20 hingga 25 rekod rayuan yang memberikan alasan-alasan mengapa beliau memerintahkan kedua-dua pertuduhan tersebut dibicarakan secara bersama. Walau bagaimana pun, oleh kerana pertuduhan-pertuduhan yang dirujuk oleh Tuan Majistret bagi pertimbangan beliau itu adalah ke atas pertuduhan-pertuduhan yang tidak lagi wujud kerana telah dipinda, maka alasan penghakiman beliau juga tidak boleh lagi berdiri untuk dipertahankan.

[16] Memandangkan dua perkara yang menjadi isu di hadapan mahkamah ini telah diputuskan, iaitu (i) rayuan oleh perayu/tertuduh adalah tidak kompeten di sisi undang-undang kerana keputusan terhadap perintah 'joint trial' tidak boleh dirayukan (not appealable), (ii) keputusan oleh Tuan Majistret membenarkan 'joint trial' diasaskan kepada pertuduhan-pertuduhan yang tidak lagi wujud kerana telah dipinda, maka satu-satunya kaedah yang tinggal untuk menangani isu 'correctness, legality or propriety' keputusan Tuan Majistret tersebut adalah melalui kuasa-kuasa semakan yang ada pada mahkamah ini di bawah s. 323 Bab XXXI Kanun Tatacara Jenayah.

[17] Seksyen 163 Kanun menghendaki kesalahan yang berlainan keadaannya terhadap mana-mana tertuduh dibuat pertuduhan yang berasingan dan tiap-tiap pertuduhan itu hendaklah dibicarakan berasingan, kecuali dalam kes-kes yang disebutkan dalam ss. 164, 165, 166 dan 170 Kanun.

[18] Merujuk kepada pindaan pertuduhan pertama dan pindaan pertuduhan kedua (di ms 9 dan ms 26 (rekod rayuan) membutirkan tarikh, masa dan tempat kejadian adalah sama. Walau bagaimana pun bagi pindaan pertuduhan pertama ianya melibatkan kesalahan ada dalam kawalan dadah jenis monoacetylmorphines manakala pindaan pertuduhan kedua melibatkan kesalahan memasukkan ke dalam badan dadah berbahaya iaitu cannabis.

[19] TPR merujukkan mahkamah kepada kes *Public Prosecutor v. Ridzuan Kok Abdullah* [1996] 2 CLJ 346 bagi menyokong hujahnya bahawa perbicaraan bersama ke atas pertuduhan pindaan pertama dan pindaan pertuduhan kedua termasuk di bawah pengecualian yang dibenarkan oleh s. 165(1) Kanun yang membolehkan joint trial dibuat. Di dalam kes tersebut YA hakim bicara telah merujuk kepada garis panduan yang diberikan dalam kes *Amrita Lal Hazra & Ors v. Emperor* [1915] 42 Cal 957 dan bersetuju kes di hadapan beliau mematuhi kesemua empat ujian yang digariskan oleh kes *Amrita Lal Hazra* itu dan dengan itu membenarkan joint trial dibuat. Dalam kes *Ridzuan Kok bin Abdullah* tersebut kedua-dua pertuduhan melibatkan dadah yang sama iaitu cannabis dan tarikh, masa serta tempat kejadian adalah juga sama.

[20] Peguam yang bijaksana menghujahkan bahawa pertuduhan yang dihadapi oleh tertuduh adalah berlainan dari jenis dan kesalahannya. Peguam juga menghujahkan kedua-dua pertuduhan melibatkan kaedah keterangan yang berbeza kerana bagi pertuduhan pindaan kedua pihak pendakwaan akan menggunakan peruntukan anggapan. Peguam juga menghujahkan tidak terdapat hubungan di antara pertuduhan pindaan pertama dan pindaan pertuduhan kedua untuk mengatakan kedua-dua pertuduhan tersebut berhubungan rapat (inter-related) dan dengan itu ujian yang terdapat di bawah kes *Amrita Lal Hazra* tersebut tidak dipenuhi.

[21] Di dalam membuat keputusan membenarkan atau tidak perbicaraan bersama, mahkamah hanya perlu melihat kepada butiran yang terdapat di dalam setiap pertuduhan yang ada di

hadapannya. Keputusan perlu dibuat sebelum perbicaraan bermula. Sekiranya mahkamah mendapati pertuduhan-pertuduhan tersebut yang dipohonkan dibicarakan bersama mematuhi kecualian yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah dengan cara mengujinya bersama dengan panduan-panduan yang diberikan dalam kes-kes otoriti sebagai contoh, kes *Amrita Lal Hazra (supra)* maka barulah mahkamah boleh menggunakan budibicarakanya untuk membenarkan perbicaraan bersama tersebut. Tetapi sekiranya ujian-ujian yang dibuat mendapati pertuduhan-pertuduhan tersebut tidak boleh didengar secara perbicaraan bersama, maka perbicaraan bersama tidak boleh dibenarkan kerana ianya akan membawa kepada 'illegality' dan menjadi tidak sah (*Shaafie Saibi v. PP* [2009] 3 CLJ 364).

[22] Di dalam kes di hadapan mahkamah ini, pindaan pertuduhan pertama melibatkan kesalahan ada dalam kawalan tertuduh dadah berbahaya iaitu monoacetylmorphines seberat 0.19 gram. Bagi pindaan pertuduhan kedua pula bagi kesalahan memasukkan dadah berbahaya ke dalam badan iaitu cannabis oleh tertuduh. Walau pun mengikut pindaan pertuduhan bagi kedua-dua pertuduhan tersebut menyebutkan tarikh, masa dan tempat kejadian adalah sama, tetapi mahkamah ini tidak dapat melihat 'nexus' antara kesalahan di pertuduhan pindaan pertama iaitu kawalan (milikan) ke atas manoacetylmorphines dengan kesalahan pertuduhan kedua iaitu memasukkan 'cannabis' ke dalam badan. Tertuduh tidak dituduh dengan apa-apa kesalahan memiliki cannabis yang mungkin boleh dikatakan wujud 'nexus' antara memiliki cannabis dan memasukkan dadah cannabis ke dalam badannya. Begitu juga melihat kepada jenis dadah yang berlainan di antara pindaan pertuduhan pertama dan pindaan pertuduhan kedua tidak melihatkan unsur 'continuity of action' dan 'community of purpose or design' yang digariskan sebagai ujian ketiga dan keempat dalam kes *Amrita Lal Hazra (supra)*. Seperti yang mahkamah ini telah ulaskan di atas, kaedah keterangan samada keterangan langsung atau pemakaian peruntukan anggapan di dalam pertuduhan tidaklah menjadi isu yang utama kerana beban pihak pendakwaan bagi membuktikan setiap pertuduhan yang dibenarkan 'joint trial' adalah tetap sama seolah-olah sama seperti perbicaraan berasingan.

[23] Oleh yang demikian, berdasarkan kepada jenis dadah terlibat adalah berlainan, jenis kesalahan juga berlainan dan ketiadaan unsur 'nexus' atau hubungan rapat (inter-related) jenis dadah terlibat dengan perlakuan kesalahan antara pindaan pertuduhan

A pertama dan pindaan pertuduhan kedua serta ketiadaan kepatuhan ujian ketiga dan keempat dalam kes *Amrita Lal Hazra (supra)* tersebut, maka mahkamah ini mendapati 'joint trial' bagi kedua-dua pertuduhan adalah tidak mewajarkan untuk diperintahkan dibuat.

B **[24]** Di atas alasan-alasan yang dibutirkan di atas, mahkamah ini dengan menggunakan kuasa-kuasa semakan yang diberikan di bawah s. 323(1) dan dibaca bersama s. 325 Bab XXXI Kanun Tatacara Jenayah memerintahkan supaya kedua-dua pertuduhan iaitu pindaan pertuduhan pertama dan pindaan pertuduhan kedua
C terhadap tertuduh dibicarakan secara berasingan. Oleh itu keputusan oleh Tuan Majistret adalah diketepikan di atas alasan-alasan yang juga telah dibutirkan di atas.

D

E

F

G

H

I